

KEMAHIRAN MENULIS

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya. **SP 3.2.2 (i)(ii)**

"Bolehkah ibu tunjukkan saya cara-cara memberus gigi yang betul?" tanya Dania kepada ibunya.

"Boleh. Sebelum itu, ambil berus gigi kamu. Pastikan saiz berus gigi itu sesuai dengan kamu. Kemudian, letakkan ubat gigi pada berus gigi itu," kata ibu.

"Sekarang, kita boleh mula menggosok gigi," kata Dania sambil tersenyum.

"Mula-mula, letakkan berus gigi di permukaan gigi luar. Gerakkan berus dari gusi ke arah gigi. Ulang bagi setiap gigi. Selepas itu, berus setiap permukaan gigi dengan teknik seperti langkah satu. Kemudian, berus setiap permukaan gigi yang mengunyah. Untuk langkah keempat, gunakan hujung berus untuk memberus permukaan dalam gigi. Akhir sekali, berus permukaan lidah untuk mengelakkan nafas berbau.

1. Siapakah yang mengajar Dania cara-cara memberus gigi?

2. Apakah langkah ketiga memberus gigi?

3. Mengapakah kita perlu memberus permukaan lidah?

4. Nyatakan akibatnya jika kita tidak rajin memberus gigi?

KBAT Menilai